

18/06/2003

PM akui radio wanita penting

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan penubuhan radio wanita penting bagi memberi maklumat serta memaparkan pelbagai isu berkaitan wanita.

Perkara berkenaan dinyatakan Dr Mahathir sewaktu ditemu bual oleh penyelarass studio mini Jatiwanita, NorShahizan Jelas, selama lima minit di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 20 minit melawat Galeri Jatiwanita yang dibuka Wanita Umno sempena Perhimpunan Agung Umno 2003 di PWTC.

(END)